

**NO. SOALAN: 509**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**RUJUKAN : 10157**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pemilik dan penyewa premis yang telah diambil tindakan di bawah Seksyen 4(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 sebab menggunakan atau menyewakan premis mereka sebagai pusat mesin judi pada tahun 2011, 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017 mengikut negeri.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kes perjudian secara keseluruhan termasuk kawasan perumahan atau kondominium yang berjaya dibongkar oleh PDRM dan yang dituduh di Mahkamah dari tahun 2016 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

KONTINJEN	JUMLAH KES	TUDUH
KUALA LUMPUR	2833	994
SELANGOR	9049	2233
P.PINANG	5320	1084
JOHOR	2646	3925
PERAK	1686	350
SABAH	816	57
PERLIS	231	148
KEDAH	2514	1639
N.SEMBILAN	1050	635
MELAKA	555	177
PAHANG	744	145
TERENGGANU	81	17
KELANTAN	127	13
SARAWAK	1314	252
JUMLAH	28966	11669

PDRM mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh individu dan sindiket tertentu melalui langkah-langkah yang dijalankan seperti berikut:

- i. memperhebatkan tindakan tegas pembanterasannya kegiatan mesin perjudian berkomputer melalui Op Dadu Khas dengan tumpuan dan skala yang lebih besar;

- ii. mengenalpasti individu dan sindiket yang terlibat dalam kegiatan judi haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;**
- iii. mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959;**
- iv. bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandangkan PBT memberikan kelulusan dan pembatalan lesen perniagaan kafe siber; dan**
- v. memohon TNB dan SYABAS memotong bekalan elektrik dan bekalan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.**